

## Ketibaan Mahathir ke Tokyo dialukan

TOKYO, Selasa — Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan tiba di sini pada 23 Januari untuk membuat lawatan seminggu atas jemputan kerajaan Jepun.

Pengumuman mengenai lawatan itu dibuat setelah kabinet Perdana Menteri Jepun Yasuhiro Nakasone memutuskan menyampaikan jemputan rasmi itu.

Datuk Seri Dr. Mahathir akan diiringi oleh isterinya.

Pemimpin Malaysia itu dijadualkan melawat negeri Jepun bulan Oktober lalu tetapi dibatalkan setelah bekas Perdana Menteri Zenko Suzuki meletak jawatan secara mengejut.

Pengumuman hari ini berkata, kerajaan dan rakyat Jepun mengalu-alukan

lawatan Datuk Seri Dr. Mahathir dan isterinya yang akan terus mengukuhkan hubungan baik yang wujud sekarang antara negeri Jepun dan Malaysia.

Menurut jadual awal lawatan, Datuk Seri Dr. Mahathir akan menginap di Istana Akasaka yang dikhaskan untuk para pelawat negara.

Majlis sambutan akan diadakan di istana itu pada pagi 24 Januari.

Di sebelah malam, pemimpin Malaysia dan rombongannya akan diraikan di majlis makan malam di tempat yang sama.

Pada 25 Januari, Datuk Seri Dr. Mahathir akan melawat stesen keretapi Tokyo untuk menyaksikan pusat-pusat kawalan bagi perkhidmatan keretapi pantas Shinkansen.